

**PENILAIAN KEBERKESANAN
PELAKSANAAN PROJEK LADANG SATELIT DALAM MENINGKATKAN
SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR.
Kajian Kes: Gurun, Kedah**

ROSNAWATY BINTI ABDULLAH

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2004

ABSTRAK

Pertanian merupakan sektor utama negara selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan yang menyumbangkan sebanyak RM 6.5 billion daripada jumlah pendapatan negara tahun lalu. Dengan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun lalu membuktikan sektor ini mampu berdaya saing dan mampu menjadi salah satu teras kepada pendapatan negara. Meskipun begitu, kemajuan yang dicapai oleh negara dalam sektor pertanian dan pengeluaran makanan sebenarnya masih terkebelakang. Atas kesedaran Kementerian Pertanian, pelbagai usaha dijalankan bagi membangunkan sektor ini. Dalam melaksanakan transformasi pertanian, Kementerian Pertanian merencanakan program-program pertanian seperti Projek Ladang Satelit. Pelaksanaan Projek Ladang Satelit Kg. Jelatang, Gurun, Kedah merupakan projek yang diwujudkan berdasarkan seruan kerajaan yang ingin memajukan dan memperkuatkannya sektor pertanian sebagai ekonomi pembangunan luar bandar. Pelaksanaan projek ladang satelit di kawasan projek kelompok bertujuan untuk mewujudkan satu kawasan pengeluaran bahan makanan seperti ulam-ulaman, rempah ratus, herba, sayur-sayuran dan buah-buahan bagi memenuhi keperluan dan permintaan pengguna di kawasan bandar yang berhampiran di samping menjadikannya sebagai tarikan pelancongan. Oleh yang demikian, penilaian keberkesanannya projek ladang satelit di kawasan projek kelompok dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar dibuat berdasarkan matlamat dan objektif pelaksanaan yang sebenar. Penilaian dibuat bagi melihat sama ada matlamat tersebut tercapai atau sebaliknya serta mengenalpasti masalah dan faktor yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan projek. Secara keseluruhan, pelaksanaan konsep ladang satelit di kawasan projek kelompok yang dilaksanakan dikawasan kajian tidak berjaya dengan sepenuhnya seperti mana keperluan matlamat dan objektif pelaksanaannya. Namun demikian, pelaksanaan projek ini mampu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar khususnya petani yang terlibat. Matlamat dan objektif pelaksanaannya tercapai untuk melahirkan usahawan tani yang berpendapatan melebihi RM3000 sebulan. Pengeluaran ulaman dan herba tidak berjaya sebagaimana keperluan tujuan pelaksanaannya kerana di pengaruhi beberapa faktor seperti faktor permintaan, pemasaran, faktor bencana alam yang mempengaruhi sikap petani, dan faktor kesesuaian tanah dan lokasi. Cadangan berbentuk strategi dikemukakan antaranya strategi untuk mempertingkatkan pemasaran, strategi kepada kerajaan dan agensi yang terlibat (pengurusan), strategi persediaan untuk menghadapi masalah banjir dan strategi perubahan sikap petani untuk berjaya. Konsep ladang satelit yang ingin diterapkan di kawasan projek kelompok ini memberi kebaikan kepada petani yang mana tujuannya adalah untuk membangunkan pertanian dengan cara yang lebih teratur dan dalam masa yang sama untuk mempromosikan produk pertanian dengan lebih komersil dan efisyen. Konsep ini akan berjaya dengan sepenuhnya jika dilaksanakan di kawasan yang lebih bersesuaian dengan mengambilkira faktor bencana alam seperti banjir kerana ini akan memberi kesan kepada keberkesanannya pelaksanaan projek.

ABSTRACT

Agriculture is one of the biggest sectors in Malaysia, after the manufacturing and service sectors. Agriculture contributes RM 6.5 billion of the total country's income last year. With a 2.4% growth in the Gross Domestic Product (GDP) last year, it is proven that this sector can be very competitive indeed. However, development and progress in agriculture has inevitably been slacking behind. Food production has declined. Hence, the Ministry of Agriculture is embarking on various ways to develop this sector. To perform agricultural transformation, the Ministry of Agriculture has outlined many programs like the Satellite Farm Project and the Implementation of the Kampung Jelatang, Gurun, Kedah Satellite Farm Project. These projects are aimed to solidify the agriculture sector as the rural development economy. The implementation of these projects in clustered project areas is to provide an area that produces fruits and foods like herbs and vegetables. This will serve the market in nearby towns besides being a tourist attraction itself. Hence, the effectiveness of these satellite farm projects in increasing the socio-economic of rural communities is entirely based on the mission and objectives of the implementation. Evaluation is made to determine the success or failure of the projects. Problems and factors leading to its success can also be identified. As a whole, the implementation of Satellite Farm Projects in clustered project areas did not succeed to meet some of the mission and objectives. Nonetheless, these projects managed to improve the standard of living for the rural communities especially farmers. The objective to produce farming entrepreneurs earning more than RM 3000 monthly has been achieved. Production of raw vegetables (ulam) and herbs were not successful. This was caused by many factors including demand, market, natural disaster, location and soil suitability. Among the recommendations suggested are strategies like increase marketing and management between government agencies, preparation for flood and farmers' attitude change strategy. The concept of satellite plantation projects is to develop agriculture in a more systematic way. Agricultural products can also be promoted and marketed in efficient and commercial ways or channels. This concept will be a great success if it is implemented in suitable areas free of natural disasters like floods.